

1.1 Kuantiti fizik

Pengukuran: Kaedah menentukan nilai kuantiti fizik.

Kuantiti fizik	• mengandungi magnitud dan unit • kuantiti yang boleh diukur
Unit	• metrik (meter, liter, kilogram) • imperial (kaki, inci, batu, ela, gelen, psi)

Kuantiti asas	Kuantiti terbitan
Kuantiti fizik yang tidak boleh ditakrifkan dalam sebutan-sebutan kuantiti fizik yang lain	Kuantiti fizik yang terbentuk daripada gabungan kuantiti asas secara pendaraban, pembahagian atau kedua-duanya
Contoh	Contoh
panjang, l (m) jisim, m (kg) masa, t (s) suhu, T (K) arus elektrik, I (A) keamatan berluminesiti, I _v (cd) kuantiti bahan, n (mol)	(selain asas = terbitan) luas,, l x l isipadu, l x l x l ketumpatan, m / v laju, l / t pecutan, (v – u) / t

Latihan: Unit SI

Menggunakan formula yang diberikan, nyatakan unit SI bagi setiap kuantiti fizik.

Kuantiti fizik	Formula	Formula asas	Unit
Luas	$l \times l$		
Isipadu	$l \times l \times l$		
Halaju	$\frac{l}{t}$		
Pecutan	$\frac{v}{t}$		
Daya	$m \times a$		
Tekanan	$\frac{F}{A}$		
Kerja	$F \times l$		